

**PENDEKATAN DAN CABARAN LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DALAM MENINGKATKAN TARAF EKONOMI MUALAF: SATU KAJIAN LITERATUR.**

Nurul Hidayah Binti Othman

*(Universiti Utara Malaysia)*doi: <https://doi.org/10.33329/joell.6S1.18>**ABSTRACT**

Mualaf merupakan golongan asnaf zakat yang perlu diberi perhatian dari segi bimbingan dan kebajikan bagi mengukuhkan akidah mereka serta mengamalkan ajaran Islam yang sebenar. Institusi zakat antara institusi penting yang menyediakan pelbagai bentuk bantuan supaya dapat menjamin kesejahteraan hidup asnaf mualaf secara berterusan, terutamanya dari aspek ekonomi. Walaubagaimanapun, masih terdapat isu-isu berkaitan sosio-ekonomi mualaf seperti pengangguran, tiada sumber pendapatan tetap dan kemiskinan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang pendekatan dan cabaran yang dihadapi oleh pihak Lembaga Zakat Negeri Kedah dalam meningkatkan taraf ekonomi asnaf mualaf serta respon mualaf terhadap program bantuan tersebut. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data premier melalui temubual dengan Lembaga Zakat Negeri Kedah dan lima orang mualaf yang telah menerima bantuan zakat. Diharapkan kajian ini mampu dijadikan sebagai panduan dalam menambahbaik pendekatan pengagihan zakat pada masa akan datang.